# Jangkitan COVID-19 negara melepasi 4 juta

Oleh Noor Atiqah Sulaiman - Mac 22, 2022 @ 8:34am
bhnews@bh.com.my

PUTRAJAYA: Kes COVID-19 di negara ini kini melepasi angka empat juta kes dengan semalam, sejumlah 17,828 lagi kes baharu direkodkan.

Laman sesawang COVIDNOW melaporkan kes COVID-19 dikesan semalam itu membabitkan 17,421 kes penularan tempatan dan 407 kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara.

Perkembangan itu menjadikan sehingga kini jumlah keseluruhan individu yang dijangkiti virus berkenaan di negara ini kini kepada 4,010,952 kes.

Sehingga kini, terdapat sejumlah 263,821 kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 dalam negara dan daripada jumlah itu, sebanyak 96.7 peratus atau 255,133 sedang menjalani kuarantin wajib di rumah.

Ia diikuti 6,883 kes dirawat di hospital, Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC) (1,447), Unit Rawatan Rapi (ICU) (159) dan ICU serta memerlukan alat bantuan pernafasan (199).